

# KERATAN AKHBAR

## Kemas diminta lahir lebih ramai usahawan wanita

**TASEK GELUGOR** - Kerajaan meminta Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) melahirkan lebih ramai usahawan wanita bandar dan luar bandar yang memiliki kemahiran bagi membantu meningkatkan ekonomi mereka ketika pasca-koronavirus (Covid-19).

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang), Datuk Shabudin Yahaya berkata, beliau yakin usaha Kemas itu membolehkan golongan wanita di

Malaysia bergerak lebih progresif.

“Peranan wanita bermula dari rumah dan apabila mereka perlukan pendapatan lebih bagi menangani kos sara hidup terutama ketika pasca-Covid-19, mereka digalakkan menceburi bidang keusahawanan, cuma mereka perlu bimbingan. Saya percaya Kemas mampu memberikan latihan,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Wanita Inspirasiku (WINS) Kemas Peringkat Pulau Pinang di sini semalam. - *Bernama*

## KETERANGAN AKHBAR



**KERATAN BERTARIKH: 4 OKTOBER 2020**

**HARI : AHAD**

**RUANGAN: NEGERI**

**HALAMAN: 38**